

# ARTIKEL 12 FCTC:

## Pendidikan, komunikasi, latihan dan kesedaran awam

Komitmen Malaysia mempromosi dan mengukuhkan kesedaran awam terhadap isu-isu kawalan tembakau melalui saluran komunikasi yang ada dan sesuai dengan keperluan

## Tindakan yang telah diambil:

- 1977 : Pengharaman iklan di pawagam dan tempat awam
- 1977 : Label “Merokok Membahayakan Kesihatan” wajib dicetak pada kotak rokok
- 1986 : Sambutan Hari Tanpa Tembakau diperkenalkan
- 1992 : 100% kenaikan harga cukai rokok
- 1994 : Pengharaman iklan rokok secara langsung, penajaan, larangan penjualan kepada remaja bawah umur (bawah 18 tahun) dan perluasan kawasan larangan merokok
- 1995 : Majlis Fatwa Kebangsaan telah menfatwakan merokok adalah HARAM
- 2004 : Larangan secara total iklan rokok samada secara langsung dan tidak langsung (kecuali) mempamerkan kotak rokok di tempat penjualan rokok
- 2004 : Kempen Tak Nak Merokok telah dilancarkan
- 2008 : Amaran kesihatan bergambar dan keperluan bagi label-label tertentu telah dikuatkuasakan
- 2008 : Pengharaman menggunakan fakta yang mengelirukan

